

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31 MARCH 2015

Pastikan cukai barangan dan perkhidmatan tidak bebaskan rakyat

Jaminan Perdana Menteri

um - 31/3/2015

■ KUALA LUMPUR 30 MAC

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, walaupun cukai barangan dan perkhidmatan (GST) menerima pelbagai kritikan, namun kerajaan sentiasa komited dalam memastikan pelaksanaannya tidak membebaskan rakyat.

Perdana Menteri berkata, semua pihak harus sedar bahawa objektif utama pelaksanaan GST ialah untuk mengukuhkan punca kewangan negara dan akhirnya dapat memastikan pembangunan yang lebih efektif untuk kemajuan negara dan kebaikan rakyat.

"Tujuan sebenar kita laksanakan GST bukan untuk bebaskan rakyat. Kita laksanakan GST dengan kaedah meminimumkan beban rakyat. Tak pernah mana-mana negara bagi banyak *zero-rated* dan pengecualian GST seperti mana yang kita berikan.

"Ini menunjukkan kerajaan benar-benar berhasrat untuk tidak membebaskan rakyat dan GST kita akan laksanakan dengan kaedah tidak menyusahkan rakyat dan di samping itu menambahkan hasil negara dan ini adalah untuk kebaikan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap dalam Majlis Perjumpaan Perdana Menteri bersama warga kastam di Dewan Serbaguna Jabatan Kastam Diraja Wilayah Persekutuan, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri Khazali Ahmad; Ketua Setiausaha Perbadanan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Siregar Abdullah; Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan serta pegawai-pegawai kanan kastam.

Selain itu, dari segi makronya, Najib berharap agar pengukuhan punca kewangan negara melalui



NAJIB TUN RAZAK beramah mesra dengan pegawai-pegawai kastam selepas mengadakan perjumpaan dengan warga kerja tersebut di Kompleks Kastam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

sistem percukaian itu dapat membantu meningkatkan *rating* yang lebih positif, serta meningkatkan keyakinan dunia tentang cara Malaysia menguruskan ekonomi.

Perdana Menteri turut meminta warga Jabatan Kastam Diraja Malaysia bersama-sama menjadikan pelaksanaan GST pada 1 April ini sebagai pembaharuan cukai yang paling cemerlang dalam sejarah.

Mengakui tugas berat yang bakal digalas warga kastam teru-

tamanya dalam menangani persepsi masyarakat, Najib berkata, kerajaan akan terus bersama-sama dengan kastam bagi memastikan ia berjalan lancar.

"Warga kastam sebagai barisan hadapan sememangnya menggalas tanggungjawab yang besar, dan saya nak nyatakan, kami di sini, untuk membantu kastam diraja melaksanakan tanggungjawab.

"Kastam, kami bersama-sama anda, kita akan berjalan bersama-

sama, melaksanakan GST... ini akan menjadi pembaharuan cukai paling cemerlang dalam sejarah kita, dan jadikan ia satu kejayaan," katanya.

Terdahulu, Najib, yang juga Menteri Kewangan, melancarkan set panduan GST bagi meningkatkan kefahaman orang ramai terhadap sistem percukaian itu, di samping meninjau persiapan warga Kastam menjelang tarikh pelaksanaan sistem itu pada 1 April ini.

- BERNAMA